

kajian yang dihasilkan, Kembanghari didapati rintang terhadap penyakit karah daun dan karah tangkai. Ia juga sederhana rentan bagi penyakit dan perosak lain seperti hawar daun bakteria, hawar seludang, benah perang dan penyakit merah virus (PMV).

Teknologi Pertanian Tepat yang dihasilkan MARDI juga turut membantu pengeluaran padi tempatan agar terus mencapai tahap yang lebih optimum selain diyakini dapat menggalakkan operasi komersial berskala besar sama ada dalam bentuk sistem perladangan berkelompok atau aset. Melalui ini, MARDI telah melancarkan 'Teknologi Kadar Boleh Ubah Untuk Tanaman Padi' (Variable Rate Technology-VRT) yang melibatkan sistem penaburan benih dan pembajaan. Teknologi yang dilancarkan ini akan menambah baik penapakan pokok, mengurangkan input baja sebanyak 15-25%, mengurangkan penggunaan buruh sebanyak 50% dan ianya mesra alam.

Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Turut hadir, Y.Bhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiusaha (Dasar), Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI); Y.Bhg. Datuk Dr. Mohamad Roff bin Mohd Noor, Ketua Pengarah MARDI; Y.Brs. Puan Hasimah binti Hafiz Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan MARDI; Y.Brs. En. Amirrudin bin Mokhtar, Pengarah MARDI Pulau Pinang; Barisan Pengurusan Kanan MARDI; dan Pegawai – Pegawai Kanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Mengenai Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Akta MARDI 1969 telah membawa kepada penubuhan MARDI pada 28 Oktober 1969. Sepanjang hampir 50 tahun penubuhannya, projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dirancang dan dilaksanakan oleh MARDI telah menjana pelbagai penemuan teknologi yang memberi manfaat kepada sektor pertanian negara. Produk R&D MARDI telah terbukti mampu merealisasikan agenda utama negara dalam mentransformasikan sektor pertanian ke arah ekonomi lebih maju pada kini dan masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Jafni Johari Jiken

Pegawai Perhubungan Awam

+6016-980 5587 | jafni@mardi.gov.my

Hazrul Amry Mohd Noor

+6012-484 0672 | amry@mardi.gov.my

